
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2006/2007

April 2007

RMK 356– Pengurusan Projek dan Kewangan

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **ENAM** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja.

Jawab **DUA** soalan dari **Bahagian A** dan **DUA** soalan dari **Bahagian B**. Bagi soalan **Bahagian A**, soalan **SATU** adalah **WAJIB**.

...2/-

- 2 -

Bahagian A (Soalan 1 adalah WAJIB)

1. Berikut adalah Kunci Kira-Kira firma pembekal bahan binaan "United Material Suppliers Sdn. Bhd." pada 31 Disember 2005.

KUNCI KIRA-KIRA
United Material Suppliers Sdn. Bhd seperti pada 31hb. Disember
2005.

| ASET | | EKUITI | |
|----------------------------|-----------------------|---------------------------------|-----------------------|
| Aset Semasa | | Liabiliti Semasa | |
| Tunai | 6,000 | Akaun Belum Bayar | 8,500 |
| Akaun Belum Terima | 21,200 | Faedah Belum Bayar | 1,500 |
| Stok Barangniaga | 45,800 | Pinjaman Belum Bayar | 15,000 |
| Akaun Prabayar | 3,000 | | |
| | <u>76,000</u> | | <u>25,000</u> |
| Aset Jangka Panjang | | Liabiliti Jangka Panjang | |
| Tanah | 20,000 | Bon Belum Bayar | 60,000 |
| Bangunan | 110,000 | Stok Modal | 200,000 |
| Peralatan | 94,000 | Pendapatan Tertahan | 15,000 |
| | <u>224,000</u> | | <u>275,000</u> |
| Jumlah | <u>300,000</u> | Jumlah | <u>300,000</u> |

Urusniaga yang dijalankan oleh United Material Suppliers sepanjang tahun 2006 adalah seperti berikut:

- (a) Jumlah Jualan sepanjang 2006 adalah sebanyak RM600,000. Dari jumlah ini, 75% adalah jualan kredit. Kos barangniaga bersabit dengan jualan ini adalah sebanyak RM400,000.
- (b) Sejumlah RM375,000 dari nilai jualan kredit tahun 2006 telah dikutip. Kesemua baki jualan kredit tahun 2005 seperti tercatat pada Kunci Kira-Kira juga telah dikutip.
- (c) Upah Pekerja dan Kos Pengangkutan sepanjang 2006 adalah masing-masing sebanyak RM12,000 dan RM15,000.

...3/-

- 3 -

- (d) Nilai keseluruhan Barangniaga yang dibekalkan oleh pengeluar dalam tahun 2006 ialah sebanyak RM475,000. Dari jumlah ini, RM318,500 telah dibayar termasuk sejumlah RM8,500 yang tercatat sebagai Akaun Belum Bayar dalam Kunci Kira-Kira 2005.
- (e) Premium Insurans Kebakaran tahun 2006 bernilai RM3,000 telah dibeli secara tunai dan dicatatkan dalam Akaun Prabayar pada tarikh belian. Nilai premium sedia ada yang dicatatkan sebagai Akaun Prabayar dalam Kunci Kira-Kira 2005 dilupuskan sepenuhnya pada masa yang sama.
- (f) Pinjaman Belum Bayar seperti tercatat pada Kunci Kira-Kira 2005 berserta faedah sebanyak RM500 dilupuskan sepenuhnya pada pertengahan tahun 2006.
- (g) Bon yang tercatat pada Kunci Kira-Kira 2005 telah matang pada akhir 2006. Walaupun begitu, hanya 45,000 telah dibayar. Bakinya sebanyak RM15,000 berserta faedah sebanyak RM6,000 masih lagi tertunggak dan dicadangkan akan dibayar pada tahun 2007.
- (h) Gudang simpanan simen telah ditenggelami banjir pada Disember 2006 menyebabkan kerugian sebanyak RM2,000. Beberapa pekerja telah ditugaskan membersihkan gudang yang diselaputi lumpur. Upah pembersihan sebanyak RM500 belum lagi dibayar.

Berpandukan Kunci Kira-Kira dan maklumat yang diberikan, sila:

- (i) Sediakan catitan jurnal yang sewajarnya bagi setiap urusanniaga yang telah dijalankan oleh United Material Suppliers sdn. Bhd.
- (ii) Pindahkan baki mula serta catitan jurnal kedalam Lejar masing-masing. Kirakan baki akhir bagi setiap Akaun Lejar.
- (iii) Sediakan Penyata Pendapatan dan Kunci Kira-Kira bagi United Materials Suppliers Sdn. Bhd. Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2006. Andaikan Cukai Pendapatan ialah pada kadar 40% dan Ahli Lembaga Pengarah telah mengistiharkan dividen tunai sebanyak RM20,000 untuk pemegang ekuiti bagi tahun kewangan 2006.

(30 markah)

...4/-

- 4 -

2. Jualan purata sebuah kedai menjual bahan binaan ialah sebanyak RM50,000 sebulan. Semua jualan adalah secara tunai. Pemiliknya bercadang meningkatkan jualan dengan memberikan kredit. Kemudahan kredit ini dijangka meningkatkan jualan pada kadar 20% dari nilai jualan bulanan sediaada.

Jika diandaikan:

- (a) Kos Jualan dan belanja-belanja yang bersangkutan adalah sebanyak 60% dari nilai jualan.
- (b) Semua penerimaan dan pengeluaran wang ialah pada hari terakhir bulan-bulan yang berkenaan.
- (c) Semua hutang jualan kredit hanya dapat dikutip sepenuhnya sebulan selepas jualan dibuat.
- (d) Kadar faedah yang digunakan oleh peniaga ialah 12% setahun.

Sila tentukan:

- (i) Berapakah Nilai Kini pendapatan bersih yang akan diterima oleh peniaga tersebut bagi tempoh 6 bulan jika semua Jualan adalah secara Tunai?
- (ii) Berapakah Nilai Kini pendapatan bersih yang akan diterima oleh peniaga tersebut jika semua Jualan adalah secara Kredit?
- (iii) Apakah kesannya jika hanya 70% jualan sahaja adalah secara Kredit manakala baki selebihnya adalah secara tunai?

(20 markah)

3. Seorang Kontraktor mendapat tender untuk kerja mengubahsuai Dewan Kuliah dan Bilik-Bilik Tutorial di USM. Disebabkan masalah tertentu, pelaksanaan kerja telah terlewat selama 6 bulan dari tarikh yang ditetapkan. Untuk mengejar masa yang terlewat, kontraktor mengambil keputusan untuk melaksanakan kerja lebih-masa dan menambahkan pekerjanya. Kos tambahan akibat dari pelaksanaan langkah ini ialah sebanyak RM5,000 sebulan.

....5/-

Pada akhir bulan keempat selepas melaksanakan langkah tersebut, projek telah dapat disiapkan dan tempoh kelewatan telah dipendekkan kepada 2 bulan sahaja. Syarat kontrak menyebut bahawa kontraktor akan dikenakan denda sebanyak RM20,000 sebulan bagi sebarang kelewatan.

- (i) Pada pandangan anda adakah langkah yang diambil oleh kontraktor tersebut wajar? Berikan sebabnya?
- (ii) Apakah pandangan anda akan berubah sekiranya USM memberikan masa tambahan selama 2 bulan untuk kontraktor menyiapkan projek? Denda tidak dikenakan untuk masa tambahan yang diberikan.
- (iii) Alternatif manakah yang akan anda cadangkan sekiranya nama baik (goodwill) bukan merupakan satu aspek penting bagi kontraktor tersebut? Mengapa?

Andaikan kadar faedah adalah pada kadar 12% setahun.

(20 markah)

Bahagian B

4. (a) Berikan takrifan berikut :

- (i) Pengurus
- (ii) Pengurusan
- (iii) Pengurusan Projek

(b) Dalam pelaksanaan sesebuah projek, peranan pengurus projek amat diperlukan bagi memastikan kejayaan projek tersebut. Bincangkan aspek kualiti keperibadian yang perlu ada dalam diri seorang pengurus projek.

(25 markah)